



## SIARAN AKHBAR BERSAMA

### SERBUAN DAN PENUTUPAN SEBUAH PERNIAGAAN KIRIMAN WANG

---

1. Pada 28 Jun 2024, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), dengan bantuan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), telah membuat serbuan ke atas sebuah perniagaan kiriman wang di Bandar Seri Begawan.
2. Perniagaan berkenaan didapati gagal mematuhi beberapa syarat-syarat lesen perniagaan kiriman wang yang ditetapkan oleh BDCB.
3. Bagi sebarang pertanyaan, orang ramai bolehlah menghubungi PPDB di talian +673 2423901 / +673 2459500 atau e-mel [info.rbpf@police.gov.bn](mailto:info.rbpf@police.gov.bn) / [rbpf.pro@police.gov.bn](mailto:rbpf.pro@police.gov.bn) atau BDCB di talian +673 2381370 pada waktu pejabat atau e-mel [infobr@bdcdb.gov.bn](mailto:infobr@bdcdb.gov.bn).
4. PPDB dan BDCB akan sentiasa bekerjasama dalam memastikan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam melalui perundangan dan peraturan bagi melindungi sistem kewangan dan pengguna kewangan di negara ini.

#### **Brunei Darussalam Central Bank**

Tarikh: 21 Zulhijjah 1445H / 28 Jun 2024M

Rujukan: BDCB/COMMS/3

**Nota kepada editor:**

**Mengenai Brunei Darussalam Central Bank (BDCB)**

Brunei Darussalam Central Bank sentiasa komited untuk mencapai dan mengekalkan sistem kewangan yang kukuh dan dinamik melalui pelaksanaan langkah-langkah dan pembaharuan sektor kewangan, selaras dengan matlamat perkembangan ekonomi negara. Ini termasuk memastikan kestabilan harga domestik; mengekalkan kestabilan sistem kewangan, dengan menggubal peraturan kewangan dan piawaian berhemat; membantu dalam penubuhan, penyelenggaraan dan penyeliaan sistem pembayaran yang cekap; serta menggalakkan dan mengembangmajukan sektor perkhidmatan kewangan yang kukuh dan progresif.